

Figura Retorika al-Ijaz dan al-Itnab: Analisis Surah al-Kahf

BITARAVolume 2, Issue 1, 2019: 048-061
© The Author(s) 2019
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[Rhetorical Figures of al-Ijaz and al-Itnab: An analysis of Surah al-Kahf]

Ahmad Kamal Embong¹ & Md Nor Abdullah¹

Abstrak

Al-ijaz dan *al-itnab* adalah antara gaya bahasa yang terdapat dalam al-Qur'an al-Karim. Gaya bahasa ini mempunyai nilai yang indah, istimewa dan tersendiri sejajar dengan kedudukannya sebagai kalam Allah SWT. Artikel ini bertujuan untuk menyingkap rahsia di sebalik kedua-dua gaya bahasa ini yang berfokus kepada surah *al-Kahf*. Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan deskriptif dan komparatif. Berdasarkan kaedah persampelan, artikel ini memilih 5 ayat dari surah *al-Kahf* sebagai sampel dalam mewakili setiap gaya bahasa yang dibahaskan. Kesemuanya dianalisis bertujuan menyerlahkan rahsia dan keindahan semantik di sebalik garapannya. Hasil kajian mendapati sampel yang dicerakin mengandungi semantik dan tujuan yang sangat istimewa sama ada secara tersirat mahu pun tersurat. Selain itu, ia juga berupaya memberi kesan mendalam terhadap jiwa dan sanubari manusia. Implikasi kajian ini dapat menyinari dan menyemarakkan medan perbahasan *balaghat* al-Qur'an secara lebih unik di mana kepelbagaian serta keindahan kalimah al-Qur'an dan susun-aturannya yang membentuk gaya bahasa yang amat hebat dapat diserlahkan. Hal ini telah terbukti sehingga menjadikannya sejuzuk daripada dimensi *i'jaz* al-Qur'an yang komprehensif dan dinamik.

Kata Kunci

Figura, *al-Ijaz*, *al-Itnab*, Deskriptif, *al-Kahf*

Abstract

Al-ijaz and *al-itnab* are two of the language types used in the Qur'an al-Karim. This style of language has an exquisite, unique and distinctive meaning in keeping with its place as the pen of Allah the Almighty. The purpose of this article is to unravel the secrets behind these two types of language focusing on the surah of *al-Kahf*. This research is a qualitative analysis that uses a concise and comparative approach. Based on the sampling process, this article selected 5 verses from the surah *al-Kahf* as a sample of each language style in question. Each of them is studied in order to illustrate the mysteries and elegance of the language behind their work. The findings showed that the sample in question contained semantics and very clear intent, either indirectly or explicitly. Besides, it has also the ability to have a profound impact on the human soul and body. The results of this study will illuminate and revitalise the area of the Qur'anic discourse in a more unique way, where the complexity and elegance of the Qur'anic phrase and its compositions shape a strong language style. It has been proved to make it suitable for the detailed and complex *ijaz* of the Quran.

Keywords

Figura, *al-Ijaz*, *al-Itnab*, Descriptive, *al-Kahf*

¹Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author:

Md Nor Abdullah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.
E-mail: monab@ukm.edu.my

Cite This Article:

Ahmad Kamal Embong & Md Nor Abdullah. 2019. Figura retorika al-Ijaz dan al-Itnab: Analisis Surah al-Kahf. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 2(1): 48-61.

Pengenalan

al-Qur'an adalah kitab suci yang diwarisi oleh umat Islam yang mengandung pelbagai mukjizat. Antara yang terpenting adalah mukjizat *bayani* yang terdapat pada struktur ayat serta susunan kata yang amat unik dan indah. Penggunaan pelbagai gaya bahasa yang tepat menyumbang dalam menyerlahkan lagi keindahan dan kemukjizatan al-Qur'an. Antara gaya bahasa tersebut adalah *al-ijaz* dan *al-itnab* yang merupakan antara cabang ilmu *Ma'ani* yang telah sekian lama dibincangkan oleh para sarjana silam. Antara mereka ialah al-Jahiz (w255H), al-Rummani dan al-Baqallani (w403H). Gaya bahasa ini kemudiannya telah diperincikan oleh sarjana Balaghah seperti al-'Askariy, al-Khafajiy dan Ibn al-Athir.

al-Ijaz merupakan salah satu gaya bahasa yang digunakan dengan meluas di dalam al-Qur'an. Ia adalah nama terbitan daripada kata kerja *wajaza-yajizu-wajzan*. *Awjaza al-kalam* bermaksud memendekkan dan meringkaskan percakapan (Ibn. Manzur 1994). Menurut 'Abbas (2000: 472) *al-Ijaz* ialah:

فَصَدُّ اللَّفْظِ مَعَ وَفَاءِ الْمَعْنَى، أَوْ اسْتِثْمَارُ أَقَلِّ قَدْرِ مِنَ الْأَلْفَاظِ فِي أَكْبَرِ قَدْرِ مِنَ الْمَعْنَى

Terjemahannya: Adalah penggunaan lafaz ringkas tanpa mencacatkan makna, atau meminimumkan penggunaan lafaz tetapi menjana makna yang luas dan banyak”

Sarjana Balaghah telah membahagikan *al-ijaz* kepada dua kategori iaitu *al-ijaz bi al-hadhf* yang merujuk kepada pemendekan secara pengguguran dan juga *al-ijaz bi al-qisr* iaitu pemendekan secara singkatan.

al-ijaz bi al-hadhf merupakan pengguguran perkataan atau ayat tertentu dengan syarat terdapatnya ungkapan tunjuk atau *al-qarinah* yang merujuk kepada lafaz yang digugurkan (al-Hashimi t.th.; al-Jarim & al-Amin 1999; 'Abbas 2000). Daripada takrifan ini *al-ijaz bi al-hadhf* diklasifikasikan kepada dua iaitu *hadhf* elemen-elemen ayat dan *hadhf* satu atau beberapa ayat. *Hadhf* elemen-elemen ayat merujuk kepada pengguguran huruf atau perkataan seperti subjek, predikat, objek, pelaku dan sebagainya.

al-itnab pula berasal daripada '*al-tanb*' yang bermaksud tali yang biasanya digunakan untuk mendirikan dan mengikat khemah. Manakala *atnaba fi al-kalam balagha fih wa tawwala dhuyulih* (أَطْنَبَ فِي الْكَلَامِ بَالِغَ فِيهِ وَطَوَّلَ ذُوْلِهِ) membawa makna bercakap dengan panjang lebar atau bercakap banyak dengan menjadikan maknanya lebih mendalam dan terperinci (Ibn Manzur 1994: 562).

Dari segi istilah *al-itnab* adalah menyatakan sesuatu maksud dengan lafaz atau pernyataan yang berlebihan dengan faedah ('Abbas 2000: 498) seperti menguatkan serta mengukuhkan maksud tersebut (al-Hashimi t.th.).

Gaya bahasa ini terbahagi kepada pelbagai bentuk berdasarkan tujuannya. Antaranya ialah ungkapan sisipan (*al-i'tirad*), susul ulas (*al-tadhyil*), penjelasan kesamaran (*al-*

idah ba'd al-ibham), pengulangan (*al-tikrar*), *al-ighal*, *al-ihtiras*, *al-tatmim*, pemilihan kata nama zahir pada tempat kata ganti nama dan sebagainya.

Figura *al-Ijaz*

Terdapat pelbagai ayat menjadi antara figura *al-ijaz* dalam surah *al-Kahf*, khasnya dari kategori *al-ijaz bi al-hadhf*. Keadaan ini membuktikan betapa luasnya perbincangan dan peranan *al-ijaz dalam al-Qur'an*. Kupasan bentuk-bentuk gaya *al-ijaz* adalah seperti huraian berikut:

al-Ijaz bi al-Hadhf

Dapatan awal kajian mendapati terdapat 9 kategori *hadhf* yang membentuk gaya bahasa *al-ijaz bi al-hadhf* dalam surah *al-Kahf*. Kategori-kategori tersebut ialah *hadhf* huruf, subjek, pelaku, objek, kata adjekif, *mawsuf*, *mudaf*, *al-tamyiz* dan *jumlah*. Justeru, artikel akan mengetengahkan 4 ayat yang mewakili gaya bahasa *al-ijaz bi al-hadhf* agar fungsi dan rahsia retorik penggunaannya dapat dibongkar. Kupasan sampel-sampel ayat bagi mewakili figura *al-ijaz bi al-hadhf* daripada surah ini yang disusun mengikut pengguguran jenis komponen ayat adalah seperti huraian berikut:

al-Ijaz Bi Hadhf Huruf

Dalam surah ini, kajian mendapati 11 ayat berbeza yang mempunyai gaya bahasa *al-ijaz* dengan cara *hadhf* huruf. Ia membabitkan *hadhf* huruf *ya'* *al-damir* pada *nun al-wiqayah*, huruf *ta' al-istif'al* pada lafaz *istata'a* dan juga huruf *jar*. Sebagai contoh ayat yang mempunyai *hadhf* huruf *ta' al-istif'al* ialah firman Allah SWT (18:97):

فَمَا اسْتَطَعُوا أَنْ يَظْهَرُوهُ وَمَا اسْتَطَعُوا لَهُ نَقْبًا ٩٧

Maksudnya: Maka mereka tidak dapat memanjat tembok itu, dan mereka juga tidak dapat menebuknya.

Menerusi ayat ini Allah SWT menjelaskan bahawa Yakjuj dan Makjuj tidak akan mampu untuk mendaki ketinggian tembok yang dibina oleh Zulkarnain, malahan tidak berupaya untuk menebuk dinding tembok tersebut. Ini adalah kerana tembok yang dibina itu amat kukuh dan kuat (Ibn Kathir 1994, 3:142).

Ista'u adalah lafaz yang dibaca dengan *takhfif* atau ringan melalui pengguguran huruf *ta'*. Ia adalah lafaz yang sama dengan *istata'u*. Bacaan *istata'u* adalah lebih berat berbanding lafaz *ista'u* kerana disusuli dengan huruf *hamz* yang keluar dari rongga *halaq*. al-Zamakhshari (1995, 2:630) menyebut bahawa digugurkan huruf *ta'* dengan tujuan meringankan bacaan. Ini adalah kerana *makhraj* huruf *ta'* berdekatan dengan huruf *ta'*.

Ibn 'Ashur (2014, 15:136) dan Dr. Fadil al-Samirra'i (2006:75) berpendapat bahawa dengan terdapatnya penambahan dari segi huruf pada sesuatu kata kerja maka bertambahlah juga dari segi makna. Melihat kepada padanan lafaz pula didapati lafaz *Ista'u* dipadankan

dengan kata *yazharuhu* (يَظْهَرُوهُ) yang bermaksud mendaki. Manakala lafaz *istata^cu* pula dipadankan dengan kata *naqba* (نَقْبًا) yang bermaksud menggali atau melubangi. Pemilihan lafaz *Ista^cu* atau *istata^cu* amat sesuai dan tepat dengan padanan makna dari kata beriringan tersebut.

Justeru kehebatan susunan Kalamullah dan ketepatan pemilihan lafazNya jelas terpancar melalui ayat ini, di mana Allah SWT mendatang lafaz *ista^cu* yang mudah bacaannya beriringan dengan kata kerja mendaki yang lebih mudah. Manakala lafaz *istata^cu* yang sukar bacaan dan *makhrajnya* pula beriringan dengan kata kerja menggali yang lebih payah dan sukar.

Hadhf Pelaku

Kajian mencatatkan ayat ke-5 dari surah ini adalah satu-satunya contoh bagi *hadhf* pelaku dalam membentuk gaya bahasa *al-ijaz* pada surah ini. Firman Allah SWT (18:5):

مَا لَهُمْ بِهِ مِنْ عِلْمٍ وَلَا لِآبَائِهِمْ كَبِرَتْ كَلِمَةٌ تَخْرُجُ مِنْ أَفْوَاهِهِمْ إِنْ يَقُولُونَ إِلَّا كَذِبًا ۝

Maksudnya: (Sebenarnya) mereka tiada mempunyai sebarang pengetahuan mengenainya, dan tiada juga bagi datuk nenek mereka; besar sungguh perkataan syirik yang keluar dari mulut mereka; mereka hanya mengatakan perkara yang dusta.

Melalui ayat ini Allah SWT mencela golongan yang menyatakan bahawa Allah SWT mengambil anak. Dakwaan ini disanggah dengan menyatakannya sebagai satu pendustaan yang tidak berasas. Bahkan ia tidak disandarkan kepada ilmu. Lafaz *kaburat* dalam ayat merujuk kepada *al-dhamm* iaitulah celaan dan kejian terhadap pendustaan yang dilemparkan oleh golongan musyrik.

Dari sudut analisis fleksi ayat didapati bahawa pelaku bagi kata tugas *kaburat* telah digugurkan daripada ayat. Penyebutan perkataan *kalimatan* selepas *kaburat* pada ayat itu pula adalah *al-tamyiz*. Sebahagian ulamak mengatakan bahawa pelaku dalam ayat tersebut dijelaskan oleh *al-tamyiz* yang disebut dengan istilah '*al-fa^cil musaffir bi al-tamyiz*'. Ini adalah kerana pelaku dalam ayat adalah lafaz yang sama dengan *al-tamyiz* yang menjadikan *taqdir* ayat itu adalah *كَبِرَتْ كَلِمَةٌ تَخْرُجُ مِنْ أَفْوَاهِهِمْ*.

Dari aspek semantik pula penguguran pelaku dalam ayat bertujuan memberi makna *al-tafkhir wa al-ta^czim* yang terhasil daripada penggunaan '*al-fa^cil musaffir bi al-tamyiz*'. Dengan ini ia membawa makna betapa dahsyat dan kejinya tuduhan yang dilemparkan oleh golongan musyrikin terhadap Allah SWT (al-Samirra'i t.th.). Bahkan Allah SWT merakamkan bahawa ia adalah tuduhan yang menghairankan (*al-ta^cajjub wa al-istighrab*) dan diada-adakan oleh mereka. Ia difahami melalui penggunaan lafaz *kaburat* sebagaimana dalam ayat tersebut (al-Maraghi 1946, 15:114).

Manakala Sayyid Qutb (1968: 83) pula mengaitkan susunan lafaz dan *jars* iaitu intonasi dalam menggambarkan kedahsyatan tuduhan yang dilemparkan oleh orang musyrikin. Ia dimulakan dengan kalimah yang mempunyai *makhraj* huruf yang besar berkali-kali iaitulah *kaburat*, *kalimat*, *afwahihim* yang membentuk ayat dan intonasinya dalam memberikan makna *tafzi*' dan celaan yang berat.

Hadhf Objek

Terdapat pelbagai ayat dari surah ini yang mempunyai *hadhf* objek. Salah satu contoh daripada ayat-ayat tersebut adalah firman Allah SWT (18:2):

قَيِّمًا لِّيُنذِرَ بَأْسًا شَدِيدًا مِّن لَّدُنْهُ وَيُبَشِّرَ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا حَسَنًا ۚ

Maksudnya: (Bahkan keadaannya) tetap benar lagi menjadi pengawas turunnya al-Quran untuk memberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar) dengan azab yang seberat-beratnya dari sisi Allah, dan memberi berita gembira kepada orang-orang yang beriman yang mengerjakan amal-amal salih, bahawa mereka akan beroleh balasan yang baik.

Dari sudut struktur ayat didapati terdapat pengguguran objek pertama dalam ayat ini. Lafaz tersebut adalah lafaz *al-musyrikin* atau *al-kafirin* yang mengingkari penurunan al-Qur'an (Ibn 'Ashur 2014, 15:12; Mahmud Safi 1995, 8: 138). Maka seolah-olah ayat yang lengkap adalah قَيِّمًا لِّيُنذِرَ الْمُشْرِكِينَ / الْكَافِرِينَ بَأْسًا شَدِيدًا مِّن لَّدُنْهُ.

Menurut Ibn 'Ashur (2014, 15: 11) pengguguran objek atau *maf'ul bihi* pertama adalah bertujuan sebagai *al-ta'mim* yang merujuk kepada golongan musyrikin dan golongan lain yang ingkar dengan penurunan al-Qur'an. Dari aspek Balaghah, pengguguran tersebut menunjukkan keutamaan dalam ayat ini adalah tentang azab dan siksaan yang pedih kepada mereka yang ingkar. Hal ini juga menunjukkan bahawa objek kedua lebih penting berbanding objek pertama sehingga menjadikan penggugurannya memberi makna menyeluruh kepada semua golongan kafir yang ingkar (al-Zamakhshari 1995, 2: 676).

Selain itu al-Alusi dalam tafsirnya juga menyebut bahawa objek pertama tidak perlu untuk disebut dalam ayat ini kerana kepentingan yang ingin ditonjolkan adalah balasan azab. Beliau juga menyatakan bahawa azab tersebut termasuklah juga azab balasan di dunia (al-Alusi t.th.15: 202).

Namun berlainan pula pendapat Dr. Bishuni (2004: 190-191) mengenai hikmah pengguguran subjek dalam ayat tersebut. Beliau beranggapan pengguguran subjek yang merupakan lafaz *al-kafirin* atau *al-musyrikin* adalah kerana keutamaan dakwah agar mereka tidak menolak dakwah Islam. Ini adalah untuk mengelakkan peringatan dan amaran tersebut diungkap secara langsung kepada mereka yang mungkin mengakibatkan mereka semakin membenci dan menjauhi mesej Islam. Justeru pengguguran tersebut berperanan sebagai *al-tarhib* yang melembutkan hati dalam menerima hidayah dan keimanan kepada Allah SWT.

Hadhf Kata Adjektif

Tinjauan awal menemukan sebanyak 3 ayat yang mengandungi *hadhf* kata adjektif dalam surah *al-Kahf*. Antaranya ialah firman Allah SWT (18:99):

أَمَّا السَّفِينَةُ فَكَانَتْ لِمَسْلُكِينَ يَعْمَلُونَ فِي الْبَحْرِ فَأَرَدْتُ أَنْ أَعِيبَهَا وَكَانَ وَرَاءَهُمْ مَلِكٌ يَأْخُذُ كُلَّ سَفِينَةٍ غَصْبًا ۙ ٧٩

Maksudnya: “Adapun perahu itu adalah ia dipunyai oleh orang-orang miskin yang bekerja di laut; oleh itu, aku bocorkan dengan tujuan hendak mencacatkannya, kerana di belakang mereka nanti ada seorang Raja yang merampas tiap-tiap perahu yang tidak cacat”.

Ayat ini antara plot kisah Nabi Musa a.s bersama Nabi Khaidir a.s yang menerangkan tentang penjelasan Nabi Khaidir a.s atas tindakannya membocorkan perahu yang dimiliki oleh para nelayan miskin (Ibn Kathir 1994, 3:134). Perbuatan itu dilakukan oleh Nabi Khaidir a.s bagi mengelakkan perahu tersebut dirampas oleh raja yang zalim.

Melalui ayat ini terdapat pengguguran kata adjektif bagi lafaz *safinah*. Ia boleh diandaikan daripada makna umum bagi ayat ('Ubayd t.th.: 59) serta perkataan 'a'ibaha yang merujuk kepada perbuatan ingin mencacatkan perahu tersebut (Muhammad Ali 2011:9). Oleh itu secara logiknya perbuatan tersebut memerlukan sampan yang berada dalam keadaan baik sebelum berlakunya perbuatan untuk mencacatkannya.

Dengan mengambil kira kata adjektif yang telah digugurkan maka *taqdir* ayat tersebut adalah *وَكَانَ وِرَاءَهُمْ مَلِكٌ يَأْخُذُ كُلَّ سَفِينَةٍ صَالِحَةٍ عَصَبًا*. Selain itu al-Zamakhshari (1995, 2:712) menukilkan bahawa mengikut *qira'at* 'Ubay dan 'Abdullah ayat ini dibaca dengan *kulla safinatin salihatin ghasba* iaitulah tanpa menggugurkan kata sifat tersebut. Justeru ia dapat mengukuhkan dan menguatkan pendapat tentang pengguguran kata adjektif yang merupakan antara gaya bahasa *al-ijaz* dalam surah ini.

Rahsia penggunaan *ijaz bi al-hadhf* melalui penguguran kata adjektif dalam ayat ini adalah bertujuan menzahirkan sifat buruk yang dimiliki oleh raja. Oleh itu ia mampu menggambarkan sifat ketamakan dan kerakusan yang dimiliki oleh raja sehinggakan ingin merampas kesemua perahu yang ada sama ada perahu itu rosak ataupun sebaliknya (al-Mut'aniy 1992). Akhirnya ia sekali gus menguatkan lagi makna kezaliman yang ada pada diri raja.

al-Ijaz bi al-Qisr

al-Ijaz Bi al-Qisr merujuk kepada ayat atau ungkapan ringkas serta padat yang mengandungi makna yang mendalam dan pelbagai tanpa melalui sebarang pengguguran kalimah atau lafaz. Analisis kajian mendapati ayat yang mengandungi *al-ijaz bi al-qisr* dalam surah *al-Kahf* agak sedikit bilangannya berbanding *al-ijaz bi al-hadhf*. Dalam merungkai keindahan makna dan ketinggian estetika yang terkandung di sebalik garapan gaya bahasa ini, satu sampel ayat dari surah ini telah dianalisis. Firman Allah SWT (18:7):

إِنَّا جَعَلْنَا مَا عَلَى الْأَرْضِ زِينَةً لَّهَا لِنَبْلُوهُمْ أَيُّهُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا ۗ

Maksudnya: Sesungguhnya Kami telah jadikan apa yang ada di muka bumi sebagai perhiasan baginya, kerana Kami hendak menguji mereka, siapakah di antaranya yang lebih baik amalnya.

Ayat ini merupakan satu medan untuk menghiburkan dan menenangkan perasaan Rasulullah SAW di atas kekufuran dan keingkaran golongan musyrikin. Ayat ini adalah penerangan tentang sebab musabab larangan Allah SWT kepada rasulNya yang pada suatu

ketika mengharapkan kebinasaan pada diri sendiri di atas kekufuran orang-orang kafir. Kekufuran mereka bukanlah berpunca dari Rasulullah SAW tetapi terpengaruh dengan kehidupan dan kenikmatan dunia yang diciptakan Allah SWT. Semua kenikmatan dunia dijadikan Allah SWT sebagai medan ujian kepada manusia (Tantawi 1997, 8:471).

Analisis dari aspek semantik mendapati bahawa ayat ini mengandungi gaya bahasa *al-ijaz bi al-qisr*. Penggunaan *ism al-mawsul* dalam sesuatu ayat dapat memberikan makna yang sekaligus dapat membuktikan penggunaan gaya bahasa *al-ijaz bi al-qisr* ini.

Susunan ayat ini memperlihatkan ruang *i'jaz* yang dimiliki al-Qur'an dalam mengumpulkan makna yang banyak serta menjadi manifestasi kepada pelbagai makna sampingan. Penciptaan dunia dan isinya yang menjadi perhiasan menjadikannya satu anugerah agung kepada manusia serta mengingatkan mereka kepada penciptaan dunia yang sangat teliti dan hebat (Ibn 'Ashur 2014, 15:17).

Terdapat banyak ayat al-Qur'an yang menyebut tentang bentuk anugerah yang menjadi huraian dan perincian kepada ayat tersebut yang dianggap mengandungi gaya *al-ijaz bi al-qisr*. Sebagai contohnya firman Allah SWT dalam surah *al-Imran* ayat 14:

رُيِّنَ لِلنَّاسِ حُبُّ الشَّهَوَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَالْبَنِينَ وَالْقَنَاطِيرِ الْمُقَنْطَرَةِ مِنَ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ وَالْخَيْلِ الْمُسَوَّمَةِ وَالْأَنْعَامِ
وَالْحَرْبِ ذَلِكَ مَتَاعُ الدُّنْيَا وَاللَّهُ عِنْدَهُ حُسْنُ الْمَبَإِ ۚ ١٤

Dalam konteks ayat ke-7 surah *al-Kahf* yang menjadi teras perbincangan, didapati penggunaan *ma al-mawsulah* pada potongan ayat '*ma'ala al-'ard*' memberi makna yang sangat luas. Tidak hairanlah kajian mendapati sesetengah mufasir mendatangkan pelbagai riwayat, pandangan dan pendapat bagi menjelaskan makna yang terkandung dalam lafaz tersebut.

Menurut al-Sa'diyy (2011:585) cakupan makna yang dibawa *ma al-mawsulah* pada ayat tersebut adalah termasuk semua yang ada di atas muka bumi seperti makanan yang lazat, minuman, tempat tinggal yang baik, pokok-pokok, sungai-sungai, tanam-tanaman, buah-buahan, pemandangan yang indah, emas, perak, haiwan tunggangan seperti unta dan kuda adalah sebagai perhiasan, fitnah dan ujian dalam kehidupan dunia. Pendapat ini disokong oleh al-Tabari (2001, 15:152) dan al-Baydawi (2003, 3:4) dengan membawa pendapat yang lebih bersifat umum serta merujuk kepada segala sesuatu yang berada di bumi yang tidak mempunyai akal fikiran.

Manakala al-Baghawi (1989), al-Qurtubi (1940) dan al-Shawkani (1995, 3:338) didapati mengaitkan makna penggunaan *ma al-mawsulah* dengan sesuatu yang berakal. Mereka telah menyatakan pendapat oleh Mujahid bahawa perhiasan dunia yang dimaksudkan dalam ayat di atas adalah terdiri daripada golongan ulamak dan orang-orang yang salih.

Kesimpulannya, penggunaan *ism al-mawsul* pada ayat ini yang tidak digantikan dengan kata nama tertentu yang lain mampu mendatangkan beberapa makna retorik seperti berikut:

1. *al-Ta'mim* di mana penggunaannya dilihat lebih tepat dan *ablagh* berbanding dengan penyebutan kata nama tertentu yang lain. Ini adalah kerana ia memberi makna menyeluruh serta mencakupi semua ciptaan Allah SWT di muka bumi. Makna *al-ta'mim* dianggap sebahagian daripada seni *al-ijaz* yang mampu menambahkan nilai estetika pada sesuatu ayat (Nizar 'Atallah Ahmad Salih t.th.).

2. *al-Ijaz* yang mampu meringkaskan penyebutan pelbagai bentuk perhiasan yang terdapat di dunia. Peranan retorik yang seakan sama dapat difahami daripada penggunaan *ism al-mawsul* pada ayat ke-6 surah *al-Baqarah* yang dapat meringkaskan penyebutan nama-nama golongan penentang Islam tanpa dihadkan oleh faktor tempat dan zaman (Ahmad Abdul Hamid Ali Khaznah 2013:33). Justeru *ism al-mawsul* pada ayat ini dapat meringkaskan berbagai bentuk perhiasan tersebut yang tidak perlu dibahaskan dengan terperinci.
3. *al-Tafkhim* yang merupakan penghormatan dan menzahirkan kemuliaan diri Rasulullah SAW yang bersifat maksum. Penggunaan *ma al-mawsulah* yang membawa cakupan makna yang luas serta umum mampu mengurangkan rasa kecewa dan menyesal pada diri Baginda SAW di atas kekufuran golongan musyrikin. Keingkaran mereka bukanlah disebabkan oleh diri Rasulullah SAW bahkan diri mereka sendiri yang leka dan alpa dengan pelbagai perhiasan dunia. Justeru secara tidak langsung meningkatkan darjat kemuliaan pada diri Rasulullah SAW yang bukanlah menjadi *asbab* kepada kekufuran orang-orang yang ingkar.

Figura *al-Ittab*

Penggunaan gaya bahasa *al-ittab* didapati turut terdapat dalam surah *al-Kahf*. Namun bilangannya adalah kurang berbanding gaya bahasa *al-ijaz*. Dapatan awal kajian menunjukkan bahawa gaya bahasa *al-ittab* yang digunakan dalam surah ini secara umumnya menyentuh beberapa fungsi dan peranan tertentu sahaja. Antaranya ialah ungkapan susulan (*al-i'tirad*), susul ulas (*al-tadhyil*), ungkapan khusus selepas umum (*dzikr al-khas ba'd al-'am*), pengulangan (*al-tikrar*), penjelasan kesamaran (*al-idah ba'd al-ibham*), pemilihan kata nama zahir di tempat kata ganti nama, *al-tatmim* dan *al-ihthiras*.

Berikut adalah beberapa sampel ayat yang mewakili kategori tertentu bagi gaya bahasa *al-ittab* yang terkandung dalam surah ini:

al-Tatmim dan *al-Ihtiras*

al-tatmim adalah antara seni gaya *al-ittab* yang merujuk kepada penyebutan sesuatu kalimah yang mendatangkan retorik makna tertentu seperti *al-mubalaghah*. Manakala *al-ihthiras* pula merujuk kepada penambahan kalimah yang bertujuan mencegah terjadinya kesalah fahaman terhadap maksud yang ingin disampaikan oleh penutur. dan *al-ihthiras*.

Kupasan ayat yang mengandungi seni *al-tatmim* dan *al-ihthiras* adalah seperti firman Allah SWT (18:32-33):

وَأَضْرَبَ لَهُمْ مَثَلًا رَّجُلَيْنِ جَعَلْنَا لِأَحَدِهِمَا جَنَّتَيْنِ مِنْ أَعْنَبٍ وَحَفَفْنَاهُمَا بِنَخْلٍ وَجَعَلْنَا بَيْنَهُمَا زُرْعًا ۚ ۳۲ كِتَابًا الْجَنَّتَيْنِ
ءَأَنْتَ أَكْلَاهَا وَلَمْ تَظَلْمْ مِنْهُ شَيْئًا وَفَجَّرْنَا خِلْفَهُمَا نَهْرًا ۚ ۳۳

Maksudnya: Dan berikanlah kepada mereka satu misalan: Dua orang lelaki, Kami adakan bagi salah seorang di antaranya, dua buah kebun anggur; dan Kami kelilingi kebun-kebun itu dengan pohon-pohon tamar, serta Kami jadikan di antara keduanya, jenis-jenis tanaman yang lain. Kedua buah kebun itu menghasilkan buahnya, dan

kebun itu tiada kurang buahnya sedikitpun, dan Kami alirkan sungai di celah-celah kedua kebun itu.

Ayat ini menerangkan keadaan kebun (*al-jannah*) yang dimiliki oleh salah seorang daripada dua lelaki yang bersaudara. al-Alusi (t.th, 15:273) menyebut bahawa menurut Ibn ‘Abbas r.a kedua-dua lelaki tersebut beketurunan Bani Israel di mana salah seorang daripadanya kafir bernama *Furtus* atau *Qatfir*. Manakala seorang lagi pula bernama *Yahudha* dan beriman kepada Allah SWT. Gambaran kebun yang indah dan menyenangkan ini dimiliki oleh saudara yang kafir sebagai perumpamaan kepada golongan musyrikin yang mementingkan harta dan dunia.

Dari segi bahasa *al-Jannah* adalah membawa makna tempat yang redup dan teduh muka buminya kerana wujudnya pokok-pokok yang rendang dan tebal yang saling memayungi antara satu sama lain (Mahmud Safi 1995, 8:184). Ia adalah gambaran umum bagi sebuah kebun. Namun didapati bahawa dalam kedua-dua ayat ini Allah SWT mendatangkan makna sebuah kebun yang dipenuhi gambaran yang elok dan sempurna melalui penggunaan gaya bahasa *al-itnab*.

Menurut Mahmud Safi (1995, 8:184) terdapat tiga potongan ayat yang menggunakan *al-tatmim* dan satu potongan ayat menggunakan *al-ihthiras* iaitu:

1. Potongan ayat (وَجَعَلْنَا بَيْنَهُمَا زُرْعًا) - Potongan ayat ini adalah *al-tatmim* yang berperanan dalam mengelakkan prasangka bahawa hasil kebun itu tidak hanya datang daripada pohon kurma dan anggur sahaja. Bahkan juga terdapat sumber makanan yang lain daripada tanaman dan juga pohon buah-buahan yang rendang dan tersusun elok lagi sempurna.
2. Potongan ayat (وَفَجَّرْنَا جَلَالَهُمَا نَهْرًا) - Potongan ayat ini juga adalah *al-tatmim*. Ia berfungsi dalam menambahkan lagi makna kenikmatan dan kesempurnaan kebun yang dimiliki lelaki kafir tersebut. Potongan ayat ini memfokuskan tentang kewujudan sumber air di tengah-tengah kebun tersebut yang banyak mendatangkan faedah yang tidak terhingga kepada pemiliknya. Kewujudan unsur air mampu menambahkan lagi keindahan dan kesempurnaan sesebuah kebun.

Selain itu lafaz *wafajjarna* (وَفَجَّرْنَا) yang dibaca dengan bacaan *tashdid* turut mendatangkan makna berlebih-lebihan (*al-mubalaghah*). Oleh itu *al-tatmim* dan *al-mubalaghah* juga mampu menguatkan maksud ayat berkenaan manfaat dan faedah yang berpanjangan melalui wujudnya sumber air yang digunakan untuk minuman dan siraman kebun buah-buahan (al-Shawkani 1995, 3: 355-356).

3. Potongan ayat (كُلْنَا الْجَنَّتَيْنِ آتَتْ أُكْلَهَا) - *al-tatmim* melalui potongan ayat ini berfungsi dalam menggambarkan kesempurnaan dan faedah berterusan melalui sumber buah-buahan dan makanan. Menurut al-Alusi (t.th. 15: 274), dan al-Baydawi (2003, 3: 11) menyatakan bahawa kebun yang dimiliki ini menghasilkan buah-buahan dan sumber makanan yang berpanjangan sepanjang tahun. Ia adalah berbeza dengan kebun-kebun lain yang kadangkala terputus dan tidak menghasilkan buah pada musim-musim tertentu.
4. Potongan ayat (وَلَمْ تَظْلِمْ مِنْهُ شَيْئًا) - Potongan ayat ini merupakan seni *al-ihthiras* yang mampu menguatkan gambaran makna bagi penuaian hasil kebun yang tidak putus-putus. Ia adalah terbentuk daripada lafaz ‘*lam tazlim*’ yang juga merupakan *kinayah* dengan membawa maksud tidak terputus (*lam tanqus*). Oleh itu garapan potongan ayat ini membawa maksud bahawa dua buah kebun itu menghasilkan sumber makanan daripada buah-buahan yang

banyak dan berkekalan tanpa putus sehingga diumpamakan bahawa kebun itulah yang menjadi pemberi dan pengurniannya (Ibn ‘Ashur 2014, 15: 65).

Keseluruhannya, penggunaan tiga potongan ayat *al-tatmim* dan satu *al-ihthiras* mampu membawa makna yang amat indah dan mendalam terhadap sebuah kebun yang dimiliki oleh Furtus yang tidak beriman kepada Allah SWT. Seolah-olah kebun tersebut adalah cukup sempurna dan penuh dengan faedah yang berpanjangan. Pada masa yang sama ia turut memperlihatkan bahawa lelaki kafir itu berada dalam kenikmatan dan kesenangan hidup dunia yang lengkap tanpa sebarang cacat-cela.

Inilah gambaran keindahan dan kesempurnaan kebun yang dimiliki pemilik yang tidak beriman yang Allah SWT sebagaimana yang dirakam dalam surah ini. Ia adalah satu pengkisahan yang padanya terdapat unsur metafora yang memberi mesej iaitu setiap kehidupan pasti akan berakhir dengan kematian (Siti Sarah 2013: 102).

Pemilihan Kata Nama Zahir di Tempat Kata Ganti Nama

Firman Allah SWT (18:38):

لَكِنَّا هُوَ اللَّهُ رَبِّي وَلَا أُشْرِكُ بِرَبِّي أَحَدًا ۝ ٣٨

Maksudnya: “Tetapi aku sendiri percaya dan yakin dengan sepenuhnya bahawa Dialah Allah, Tuhanku, dan aku tidak sekutukan sesuatu pun **dengan Tuhanku**”.

Dalam ayat tersebut lafaz ‘*rabbi*’ didapati berulang sebanyak dua kali dalam ayat yang sama. Lafaz ‘*rabbi*’ pada kali kedua boleh diganti dengan meletakkan kata ganti nama ketiga (*Damir Gha’ib*) iaitu ‘*huwa*’. Ia menjadikan *taqdir* ayatnya adalah (وَلَا أُشْرِكُ بِهِ أَحَدًا). Namun Allah SWT mendatangkan ayat ini dengan menyebut dan mengulang kembali lafaz ‘*rabbi*’. Keadaan ini menunjukkan penggunaan gaya bahasa *al-itnab* yang dinamakan (وَضَعُ الطَّاهِرِ مَكَانَ (الإِضْمَارِ).

Menurut al-Zarkashi (1988, 2: 500) pengulangan perkataan ‘*rabbi*’ pada ayat ini bertujuan untuk mengagungkan (*al-ta’zim*) Allah SWT yang berkuasa dalam membinasakan segala bentuk kesyirikan yang menjadi musuhNya. Di samping itu dapat difahami bahawa pemilihan kata nama zahir ini juga berperanan sebagai *al-ta’kid* yang mampu mengukuh dan menguatkan makna bahawa Allah SWT itu Maha Esa dan tidak mempunyai sebarang sekutu.

Penggunaan gaya bahasa ini dilihat mempunyai tujuan yang hampir sama seperti mana digunakan dalam firman Allah SWT ayat (58:22):

أُولَئِكَ حِزْبُ اللَّهِ أَلَا إِنَّ حِزْبَ اللَّهِ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ۝ ٢٢

Maksudnya: Merekalah penyokong- penyokong (agama) Allah. Ketahuilah, Sesungguhnya penyokong-penyokong (agama) Allah itu ialah orang-orang yang berjaya.

Dalam ayat di atas pengulangan *lafz al-Jalalah* 'Allah' pada perkataan 'Hizbullah' yang sebenarnya boleh diganti dengan kata ganti nama iaitu 'Hizbuhu' bertujuan sebagai '*al-ta'zim*' dan '*al-ta'kid*'. Penggunaan gaya bahasa ini dengan sendirinya menyerlahkan keunikan bahasa al-Qur'an yang tiada tolok bandingnya.

Ungkapan Khas Selepas Umum (*Dzikir al-Khas Ba'd al-'Am*)

Penyebutan ungkapan khas selepas umum juga adalah antara jenis gaya bahasa *al-itnab*. Ia berperanan dalam menarik perhatian dan juga menyatakan kelebihan tentang sesuatu perkara. Antara kupasan ayat dari surah *al-kahf* yang didapati mengandungi seni ini adalah firman Allah SWT (18:56):

وَمَا نُرْسِلُ الْمُرْسَلِينَ إِلَّا مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ وَيُجِدِلُ الَّذِينَ كَفَرُوا بِالْبَلِّ لِيُدْحِضُوا بِهِ الْحَقَّ وَاتَّخَذُوا آيَاتِي وَمَا أَنْزَرُوا هُزُوعًا ٥٦

Maksudnya: Dan tidaklah Kami mengutus Rasul-rasul hanyalah sebagai pembawa berita gembira dan sebagai pemberi peringatan; tetapi orang-orang yang kafir membantah dengan yang batil agar dengan demikian mereka dapat melenyapkan yang hak, dan mereka menganggap ayat-ayat Kami dan peringatan-peringatan terhadap mereka sebagai olok-olokan.

Melalui ayat ini Allah SWT menerangkan fungsi dan peranan yang dimainkan oleh para Rasul a.s kepada manusia iaitu sebagai pembawa berita gembira, pemberi amaran dan peringatan serta menjawab dakwaan dan tuduhan orang kafir. Ayat ini juga menjelaskan sifat yang ada pada diri orang kafir yang sering menjadikan penjelasan, ayat-ayat al-Qur'an termasuklah peringatan dan amaran sebagai bahan sindiran, ejekan dan persendaan (al-Tabari 1997, 5: 177).

Setelah dianalisis dari aspek makna didapati bahawa ungkapan *wa ma undziru* yang bermaksud peringatan adalah '*ataf* kepada lafaz *al-ayat*. Sebagaimana yang difahami lafaz 'peringatan' (*wa ma undziru*) adalah lafaz yang memberi makna khusus dan mendalam. Ia adalah sebahagian daripada makna yang terkandung dalam lafaz '*al-ayat*' yang bersifat lebih umum. Dengan kata lain ayat yang berbentuk peringatan dan amaran merupakan sebahagian daripada ayat-ayat yang terdapat dalam al-Qur'an, yang antara lainnya seperti pengkhabaran tentang kebangkitan, kerasulan, hukum-hakam, janji azab, balasan syurga dan sebagainya. Oleh itu penggunaan lafaz 'peringatan' yang lebih spesifik selepas lafaz '*al-ayat*' yang umum membentuk gaya bahasa *al-itnab*, iaitu ungkapan khas selepas am.

Penggunaan *al-itnab* yang berbentuk ungkapan khas selepas am dalam ayat ini telah menjelaskan makna yang mendalam dan terperinci tentang kekufuran dan kejahatan pemikiran orang-orang kafir sehingga menjadikan ayat-ayat al-Qur'an sebagai bahan untuk persendaan. Mereka bukan hanya mempersendakan ayat-ayat yang menyentuh pengkhabaran gembira (*mubassyrat*) bahkan menjadikan ayat-ayat amaran dan balasan azab siksa yang sepatutnya menginsafkan sebagai bahan gurauan dan mainan. Justeru secara tidak langsung kehebatan gaya *al-itnab* pada ayat ini dirungkai dengan menambahkan dan menguatkan makna kekufuran

dan keingkaran golongan kafir. Ia sekaligus memperincikan bentuk persendaan yang telah dilakukan oleh mereka.

Susul Ulas (*al-Tadhyil*)

Susul ulas (*al-tadhyil*) pula merujuk kepada proses mengulas dan menyimpulkan (*al-ta'qib*) sesuatu ayat dengan ayat lain yang bertujuan mengukuhkan ayat pertama. Dalam surah ini, antara ayat yang mengandungi gaya ini ialah seperti Firman Allah SWT (18:98):

قَالَ هَذَا رَحْمَةٌ مِّن رَّبِّي فَإِذَا جَاءَ وَعْدُ رَبِّي جَعَلَهُ دَكَّاءَ وَكَانَ وَعْدُ رَبِّي حَقًّا ٩٨

Maksudnya: Dzulkarnain berkata: “Ini (dinding) adalah rahmat dari Tuhanku, Maka apabila sudah datang janji Tuhanku, Dia akan menjadikannya hancur luluh; dan janji Tuhanku itu adalah benar”.

Ayat ini menyatakan bahawa tembok yang utuh binaan Zulkarnain ini adalah antara tanda rahmat Allah SWT dengan menjadikan Yakjuj dan Makjuj tidak berdaya dan mampu untuk melepasi tembok tersebut. Oleh itu manusia terhindar daripada kerosakan dan ancaman Yakjuj dan Makjuj. Namun segala sesuatu pasti berhadapan dengan kemusnahan. Justeru ayat ini juga membayangkan tentang masa depan tembok yang akan runtuh sepertimana berakhirnya semua makhluk di dunia ini (al-Tabari 1997, 5: 206).

Penggunaan lafaz *wa'du* dalam bentuk *isti'arah* merujuk kepada ketentuan Allah SWT tentang hari kebinasaan yang menjadi pengakhiran kepada segala sesuatu termasuklah dinding tembok yang dibina oleh Dzulkarnain. Setelah datangnya hari kiamat tembok tersebut akan berakhir dengan kehancuran sebagaimana dijelaskan daripada seni *tashbih baligh* yang menyamakannya dengan runtuhannya melalui kalimah *dakka*.

Menurut Ibn 'Ashur (2014, 15:137) potongan akhir ayat ini menunjukkan penggunaan gaya bahasa *al-itnab*. Dengan lebih jelas lagi ayat *وَكَانَ وَعْدُ رَبِّي حَقًّا* adalah susul ulas (*al-tadhyil*) yang terbina daripada ragam kata bidalan yang sama dari potongan pertama ayat. Seni *al-tadhyil* pada ayat ini berfungsi sebagai *al-ta'kid* yang mengukuhkan makna ayat sebelumnya. Justeru ia menjelaskan bahawa tembok binaan Dzulkarnain yang memenjarakan Yakjuj dan Makjuj akan hancur luluh setelah berlakunya kiamat. Sekaligus ia juga menguatkan makna bahawa hari kiamat adalah suatu kepastian yang tetap akan berlaku.

Dengan peranan yang dimainkan oleh susul ulas (*al-tadhyil*) dalam mengukuhkan dan menguatkan makna dalam ayat ini maka terserlahlah kehebatan susunan Kalamullah. Ianya bukanlah *al-tatwil* yang mana penyebutannya adalah tidak bermanfaat bahkan ia adalah antara seni *al-itnab* yang mendatangkan pelbagai makna dan faedah.

Kesimpulan

al-ijaz dan *al-itnab* adalah antara gaya bahasa unik yang dimiliki oleh al-Qur'an. Garapan makna dan tafsiran pada ayat yang mengandungi seni ini membuktikan al-Qur'an bukanlah ditulis oleh manusia. Bahkan ia diturunkan daripada Allah SWT. Gaya bahasa hebat ini mencetuskan hikmah pentafsiran yang fleksibel dan memberikan berbagai-bagai makna retorik

yang mendalam. Peranan yang dimainkan oleh kedua-dua gaya bahasa ini telah diperakui oleh al-Suyuti sehingga menyamakannya dengan ilmu Balaghah secara keseluruhannya (al-Suyuti t.th.).

al-ijaz khasnya melalui kaedah *al-hadhf* tidak menggambarkan bahawa al-Qur'an itu tidak sempurna. Sebaliknya ia adalah satu gaya bahasa yang amat unik dan indah. Ini adalah kerana kewujudannya pada ayat-ayat al-Qur'an mampu menyingkap pengertian tertentu dengan lebih mendalam. Ia terbukti berperanan dalam melahirkan makna pengukuhan dan penegasan. Selain itu, garapan makna seperti kedahsyatan, kejelikan serta motivasi jelas terpancar melalui beberapa ayat yang diketengahkan hasil penggunaan seni *al-ijaz*.

al-itnab pula terbukti mempunyai pelbagai peranan dan tujuan dalam sesuatu ayat. Analisis sampel ayat yang dikemukakan menunjukkan bahawa peranan yang dimainkan oleh *al-Itnab* berpaksikan kepada pengukuhan makna, penjelasan secara spesifik serta penghindaran daripada keraguan. Ia juga berperanan dalam memastikan sesuatu makna itu dapat dijelaskan secara konsisten yang akhirnya memberi nilai tambah dari aspek retorik makna pada sesuatu ayat.

Dengan contoh yang dikemukakan menerusi artikel ini menunjukkan bahawa kesemua makna yang terhasil daripada penggunaan gaya bahasa ini membuktikan perkaitan erat dengan sebutan sesuatu lafaz, binaan ayat, hubungan antara ayat serta situasi sesuatu ayat diungkapkan. Di samping itu, peranan-peranan yang dimainkan oleh *al-ijaz* dan *al-itnab* membuktikan keindahan dan kehebatan gaya bahasa yang dimiliki al-Qur'an yang tiada tolok bandingnya. Ia akhirnya membentuk medan mukjizat *bayani* yang akan berkekalan hingga ke hari kiamat.

Rujukan

- 'Abbas, Fadl Hassan. 2000. *al-Balaghah Fununuha wa Afnanuha 'Ilm Ma'ani*. Amman: Dar al-Furqan li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Ahmad 'Abd al-Hamid 'Ali Khaznah. 2013. *al-Ism al-Mawsul wa Dalalatuhu al-Balaghiyyah fi Surah al-Baqarah*. Jami'ah al-Najah al-Wataniyyah Nablus.
- al-Alusi, Abu al-Fadl Shihab al-Din Sayyid Mahmud. t.th. *Ruh al-Ma'ani fi Tafsir al-Qur'an al-'Azim wa al-Sab' al-Mathani*. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- al-Baghawi, Abu Muhammad al-Husayn bin Mas'ud. 1989. *Ma'alim al-Tanzil*. Muhammad 'Abd Allah al-Nimr, 'Uthman Jum'ah Damiriyyah & Sulayman Muslim al-Harsh (pnyt.). Riyad: Dar Tayyibah li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- al-Baydawi, Abi Sa'id 'Abdullah. 2003. *Tafsir al-Baydawi al-Musamma Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Bisyuni, Abd al-Fattah Fayud. 2004. *'Ilm al-Ma'ani Dirasah Balaghiyyah wa Naqdiyyah Li Masa'il al-Ma'ani*. al-Qahirah: Mu'assasat al-Mukhtar li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- al-Hashimi, Sayyid Ahmad. t.th. *Jawahir al-Balaghah Fi al-Ma'ani wa al-Bayan wa al-Badi'*. Iskandariah: Dar Ibn Khaldun.
- Ibn 'Ashur, Muhammad Tahir. 2014. *Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir*. Jil. 15. Bayrut: Mu'assasat al-Tarikh.
- Ibn Kathir, Abi al-Fida' Isma'il bin 'Umar. 1994. *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Jil. 3. Dimashq: Maktabat Dar al-Fayha'.
- Ibn Manzur, Abu al-Fadl Jamal al-Din. 1994. *Lisan al-'Arab*. Bayrut: Dar Sadir.
- al-Jarim, 'Ali, & al-Amin, Mustafa. 1999. *al-Balaghah al-Wadihah*. Bayrut: Dar al-Ma'arif.
- Mahmud Safi. 1995. *al-Jadwal fi I'rab al-Qur'an wa Sarfuhu wa Bayanuh*. Cet ke-3. Bayrut: Mu'assasat al-Iman.
- al-Maraghi, Ahmad ibn Mustafa. 1946. *Tafsir al-Maraghi*. Pertama. Mesir: Syarikat Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladih.
- Muhammad 'Ali, Satna. 2011. Abstract: *Majallah al-'Ulum wa al-Buhuth al-Islamiyyah* 1–16.

- al-Mut'aniy, 'Abd al-'Azim bin Ibrahim. 1992. *Khasa'is al-Tacbir al-Qur'aniy Wa Simatuh al-Balaghiyyah*. al-Qahirah: Maktabah Wahbah.
- Nizar 'Atallah Ahmad Salih. t.th. *Fanqulat al-Zamakhshari al-Balaghiyyah Fi Surah Yusuf Dirasah Tafsiiriyyah*. Majallah al-Buhuth Wa al-Dirasat al-Qur'aniyyah 49–98.
- al-Qurtubi, Abu Abdillah Muhammad bin Ahmad al-Ansari. 1940. *al-Jami' Li Ahkam al-Qur'an*. al-Qahirah: Dar al-Kutub al-Misriyyah.
- Qutb, Sayyid. 1968. *Fi Zilal al-Qur'an*. 5th ed. Bayrut: Dar al-'Arabiah li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa-Tawzi'.
- al-Sa'di, 'Abd al-Rahman bin Nasir. 2011. *Taysir al-Karim al-Rahman Fi Tafsir Kalam al-Mannan*. Pertama. Riyad: al-Mayman li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- al-Samirra'i, Fadil Salih. 2006. *al-Ta'bir al-Qur'ani*. Edisi ke-4. Amman Jordan: Dar cAmmar.
- al-Samirra'i, Fadil Salih. t.th. *Rawa'i' al-Bayan al-Qur'aniy*. <http://albayanalqurany.com/clause/عرب-كلمة-كلمة-في-آية-سورة-الكهف-كب>.
- al-Shawkani, Muhammad bin 'Ali bin Muhammad. 1995. *Fath al-Qadir al-Jami' Bayn Fann al-Riwayah Wa al-Dirayah Min 'Ilm al-Tafsir*. 'Akkari Sheikh Khudar (pnyt.). Edisi ke-3. Bayrut: al-Maktabah al-'Asriyyah.
- Siti Sarah Izham. 2013. *Uslub Metafora Dalam al-Qur'an: Kajian Terhadap Surah al-Kahfi*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- al-Suyuti, Jalal al-Din Abd. Rahman. t.th. *al-Itqan Fi 'Ulum al-Qur'an*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad bin Jarir. 2001. *Tafsir al-Tabari Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ay al-Qur'an*. 'Abd Allah ibn 'Abd al-Muhsin al-Turki (pnyt.). al-Qahirah: Dar Hajr.
- al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad ibn Jarir. 1997. *Tafsir al-Tabari Jami' al-Bayan 'An Ta'wil Ay al-Qur'an*. Dr. Salah 'Abd al-Fattah al-Khalidi (pnyt.). Bayrut: Dar al-Shamiah.
- Tantawi, Muhammad Sayyid. 1997. *al-Tafsir al-Wasit Li al-Qur'an al-Karim*. al-Qahirah: Dar Nahdah Misr li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi'. <https://al-maktaba.org/book/23590>.
- 'Ubayd, Haydar Husain. t.th. *al-Hazf Baina al-Nahwiyyin wa al-Balaghiyyin*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Zamakhshari, Abi Qasim Mahmud bin 'Umar bin Muhammad. 1995. *Tafsir al-Kashshaf 'An Haqa'iq Ghawamid al-Tanzil Wa 'Uyun al-Aqawil Fi Wujuh al-Ta'wil*. Muhammad Abd al-Salam Shahin (pnyt.). Jil 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Zarkashi, Badr al-Din Muhammad bin 'Abd Allah. 1988. *al-Burhan fi 'Ulum al-Qur'an*. Edisi ke-2. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.